

Cuepacs tidak kecewa bonus setengah bulan gaji

UM 13 SEP 2003

KUALA LUMPUR 12 Sept. — Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) tidak kecewa dengan keputusan kerajaan membayar setengah bulan gaji kepada hampir sejuta kakitangan awam.

Setiausaha Agung Cuepacs, Datuk Abdul Rahman Manan sebaliknya tetap bersyukur dengan kesediaan kerajaan memberi bonus itu walaupun kongres itu sebelum ini menuntut bonus sebanyak dua bulan.

Ini kerana, katanya, Cuepacs turut mengambil kira bonus sebanyak setengah bulan gaji yang diumumkan di bawah Pakej Strategi Baru Ekonomi berjumlah RM7.3 bilion pada 21 Mei lepas.

“Jadi kita menganggap kerajaan memberikan kita bonus sebulan gaji, dan ini seharusnya tidak mengecewakan kakitangan-kakitangan awam,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Moha-

bulan yang dibayar dalam Pakej Strategi Baru Ekonomi itu.

Berikutan keputusan membayar tambahan bonus setengah bulan gaji itu, Abdul Rahman berharap seluruh kakitangan awam menggunakan wang berkenaan dengan sebaik mungkin.

“Sebaliknya kita harap semua kakitangan kerajaan akan lebih bersemangat dan berdedikasi untuk terus memberikan khidmat kepada negara,” jelasnya.

Katanya, Cuepacs turut menghantar beberapa cadangan lain bersama tuntutan dua bulan bonus itu sebelum ini.

“Kita memahami keadaan ekonomi semasa dan mungkin belum masanya untuk kerajaan memberikan bonus dua bulan gaji, mungkin pada masa akan datang,” katanya.

Dalam Bajet 2003 yang dibentangkan September tahun lalu, Dr. Mahathir mengumumkan bonus sebulan gaji atau minimum RM1,200 kepada kakitangan awam.

mad ketika membentangkan Bajet 2004 di Dewan Rakyat hari ini mengumumkan pembayaran bonus setengah bulan gaji kepada kakitangan kerajaan.

Abdul Rahman sebelum ini menyatakan harapan Cuepacs agar kerajaan memberikan bonus dua bulan gaji termasuk setelah mengambil kira setengah